

Keberkesanan Modul Pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pelajaran-Pelajaran Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Arab) Terhadap Pelajar Pemula Bahasa Arab Kolej UNITI Kota Bharu

The Effectiveness Of The Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha Teaching Module (Arabic Language Lessons For Non-Arabic Speakers) To The Arabic Language Students in Kota Bharu UNITI College

Muhammad Hafizuddin Bin Hussin¹, Mohammad Amnan Bin Awang Ali², Abdul Hadi Bin Abdul Rahim³

ABSTRAK

Penggunaan modul bahasa Arab yang betul amat penting dalam pencapaian keseluruhan pelajar dan pembelajaran bahasa Arab itu sendiri. Penggunaan modul yang betul boleh mendatangkan kesan yang positif terhadap pelajar seperti menambah minat dan pemahaman mereka. Kajian ini dilaksanakan terhadap 60 orang pelajar Kolej UNITI Kota Bharu yang merupakan pelajar diploma yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini bertujuan mengenal pasti minat pelajar terhadap bahasa Arab, menguji keberkesanan Modul Pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha, dan bagi mengetahui sama ada sikap pelajar terhadap frasa sandaran dan adjektif mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Data kuantitatif dikumpulkan menerusi set soal selidik berkaitan minat pelajar terhadap bahasa Arab dan sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran (Idhafah) dan Frasa Adjektif (Naat) Dapatkan kajian mendapati bahawa peratusan minat pelajar terhadap bahasa Arab adalah pada tahap tinggi, iaitu melebihi 50% pada setiap soalan. Selain itu, dapatan bagi Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca antara kumpulan eksperimen yang menggunakan modul PDLA dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan tradisional, iaitu pada nilai $t = -2.786$, $p < .05$. Analisis regresi pula dijalankan bagi mengenal pasti kesan sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran (Idhafah) dan Frasa Adjektif (Naat) dengan pencapaian pelajar. Hasil keputusan membuktikan pencapaian bahasa Arab dipengaruhi oleh sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran (Idhafah) dan Frasa Adjektif (Naat) dengan nilai $r = 0.618$. Justeru itu, faktor sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran (Idhafah) dan Frasa Adjektif (Naat) memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab dan mampu memberikan kesan positif terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar.

¹ Muhammad Hafizuddin bin Hussin, Master's Degree, Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), hafizuddinhussin@iium.edu.my

² Mohammad Amnan bin Awang Ali, Master's Degree, Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), mohammadamnan@iium.edu.my

³ Abdul Hadi bin Abdul Rahim, Master's Degree, Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti (CELPAD), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), abdulhadiar@iium.edu.my

Kata kunci: Bahasa Arab Madinah, modul pembelajaran, sikap, Bahasa Arab

ABSTRACT

The proper use of Arabic language modules is very important in the overall achievement of students and the learning of Arabic itself. The use of the right module can have a positive effect on students such as increasing their interest and understanding. This study was conducted on 60 students of Kota Bharu Unity College who are diploma students who take Arabic subjects. This study aims to identify students interest in Arabic, to test the effectiveness of the Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha Teaching Module module, and to find out whether students' attitudes towards backup phrases and adjectives affect student achievement. The study uses quantitative methods using descriptive and inferential analysis. Quantitative data were collected through a set of questionnaires related to students interest in Arabic and students' attitudes towards Backup Phrases (Idhafah) and Adjective Phrases (Naat). In addition, the findings for the t-test showed that there was a significant difference between the post-test between the experimental group using the PDLA module and the control group using the traditional approach. Regression analysis was conducted to identify the effect of students' attitudes on Backup Phrases (Idhafah) and Adjective Phrases (Naat) with student achievement. The results prove that Arabic language achievement is influenced by students' attitudes towards Backup Phrases (Idhafah) and Adjective Phrases (Naat). Therefore, the factor of students' attitude towards Backup Phrases (Idhafah) and Adjective Phrases (Naat) play an important role in learning Arabic and can have a positive effect on students' Arabic language proficiency.

Keywords: Medina Arabic, learning modules, attitudes, Arabic

Pengenalan

Bahasa Arab di Malaysia ialah mata pelajaran yang sangat dititikberatkan pada masa kini. Pendidikan Bahasa Arab mulai diterapkan sejak awal persekolahan lagi, iaitu semenjak tadika atau sekolah rendah pada kurikulum al-Quran, Bahasa Arab, Jawi dan Fardhu Ain. Seterusnya pada peringkat menengah, bahasa Arab adalah merupakan subjek pilihan kepada pelajar dan tidak wajib mempelajarinya. Namun demikian, subjek ini wajib dipelajari di sekolah-sekolah menengah agama kerana keterlibatan bahasa Arab dengan Pendidikan Islam itu sendiri. Kementerian Pendidikan Malaysia kini juga telah mengambil keputusan untuk mengangkat Kurikulum Dini/Azhari yang memartabatkan bahasa Arab sebagai Kurikulum Kebangsaan di mana para pelajar wajib mempelajari kesemua lima subjek dalam bahasa Arab.

Pendidikan bahasa Arab tidak semata-mata diajar di peringkat rendah atau menengah sahaja, ia mula diperkenalkan kepada IPT, iaitu universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan sama ada yang menawarkan kursus-kursus berteraskan bahasa Arab sebagai medium utama dalam pembelajaran ataupun tidak. Ini bermakna ada juga institusi yang tidak menawarkan kursus bahasa Arab namun mewajibkan subjek bahasa Arab sebagai subjek teras dan wajib lulus. Kesedaran yang tinggi pada institusi-institusi pengajian tinggi itu terhadap kepentingan bahasa Arab ini wajar dipuji dan dijadikan contoh kepada semua pihak agar bahasa Arab dapat dimartabatkan secara keseluruhan.

Namun begitu, mereka tetap mengalami kesulitan untuk memahami asas, bercakap, dan berkomunikasi dalam bahasa ini. Banyak faktor yang perlu diambil kira seperti strategi

pembelajaran dan cara guru menyampaikan pembelajaran, linguistik bahasa dan sebagainya. Faktor-faktor ini sudah tentu mengganggu dan mempengaruhi prestasi penguasaan bahasa Arab pelajar-pelajar tersebut. Sesungguhnya strategi dan model pengajaran bahasa Arab yang betul semenjak dari asasnya lagi perlu digali dan didedahkan secara meluas kepada para pengajar bahasa Arab agar pedagogi yang betul digunakan semasa mengajar kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, tatabahasa juga perlu dititikberatkan dan digabungkan selari dengan empat kemahiran tersebut.

Modul Pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pelajaran-Pelajaran Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Arab) adalah khas untuk pelajar bukan penutur Arab. Oleh itu modul ini dijangka akan mampu menambah minat pelajar terhadap bahasa Arab dan memberi kesan dalam penguasaan asas bahasa Arab kepada pelajar yang belum pernah didedahkan dengan bahasa Arab. Modul ini juga sekaligus akan memberikan impak pengukuhan yang kuat kepada pelajar yang pernah belajar bahasa Arab sebelum ini. Bagi membuktikan dan mengkaji sejauh mana keberkesanannya, pengkaji akan mengajar topik Frasa Sandaran (*Idhafah*) dan Frasa Adjektif (*Naat*) dengan menggunakan kaedah pendekatan yang diperkenalkan oleh penulis model ini.

Latar Belakang Kajian

Kajian Keberkesanan Model Pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pelajaran-Pelajaran Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Arab) ini dijalankan ke atas pelajar Kolej UNITI Kota Bharu. Kolej Uniti Kota Bharu terletak kira-kira 10 Kilometer sahaja daripada pusat bandar Kota Bharu dan berdekatan dengan Pantai Cahaya Bulan. Kolej ini yang dahulunya juga dikenali sebagai Kolej JAIPUTRA dilengkapi infrastruktur lengkap dan kemudahan pendidikan terkini. Kolej yang telah berusia lebih daripada 10 tahun ini menawarkan enam kursus di peringkat diploma, iaitu Pengajian Islam, Psikologi, Diploma Pengurusan Muamalat, Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Diploma Pengurusan Industri Halal, dan Diploma Pengurusan (Portal rasmi Kolej UNITI Kota Bharu). Kursus-kursus tersebut telah mendapat pengiktirafan yang penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta mendapat pengiktirafan daripada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) tempatan.

Pelajar Kolej UNITI adalah terdiri daripada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Pelajar yang memasuki kolej ini rata-rata berumur sekitar 18 hingga 21 tahun. Ini menunjukkan semua pelajar telah melalui fasa persekolahan peringkat rendah dan menengah serta memiliki kelayakan akademik yang memenuhi syarat minimum untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma mengikut ketetapan pihak kolej. Pelajar yang diterima belajar adalah berasal dari seluruh negara dan kebanyakannya berasal dari negeri Kelantan dan Terengganu.

Permasalahan Kajian

Bahasa Arab ialah bahasa asing kepada pelajar-pelajar di Malaysia. Seinggakan ia juga dikatakan bahasa kedua kerana keakraban bahasa Arab dengan bahasa Melayu itu sendiri seperti banyaknya kata-kata pinjaman bahasa Arab dan sebagainya. Namun begitu, mereka tetap mengalami kesulitan untuk memahami asas, bercakap, dan berkomunikasi dalam bahasa ini. Banyak faktor yang perlu diambil kira seperti strategi pembelajaran dan cara guru menyampaikan pembelajaran, linguistik bahasa dan sebagainya. Faktor-faktor ini sudah tentu mengganggu dan mempengaruhi prestasi penguasaan bahasa Arab pelajar-pelajar tersebut.

Sesungguhnya strategi dan model pengajaran bahasa Arab yang betul semenjak dari asasnya lagi perlu digali dan didedahkan secara meluas kepada para pengajar bahasa Arab agar pedagogi yang betul digunakan semasa mengajar kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, tatabahasa juga perlu dititikberatkan dan digabungkan selari dengan empat kemahiran tersebut.

Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, kurikulum bahasa Arab sudah tentu telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia manakala bagi peringkat institusi pengajian tinggi pula ia adalah ditetapkan oleh institusi itu sendiri dengan kelulusan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA). Bagi para pelajar yang sudah ada asas bahasa Arab semasa di sekolah rendah dan menengah adalah tidak menjadi masalah kepada mereka semasa di institusi pengajian tinggi namun bagaimana pula dengan pelajar yang tiada asas bahasa Arab? Kemampuan pelajar dalam memahami konsep-konsep bahasa Arab sudah tentu berbeza berdasarkan pengalaman mereka di sekolah rendah dan menengah sebelum ini. Terdapat beberapa institusi yang menjadikan bahasa Arab sebagai subjek wajib seperti Kolej UNITI Kota Bharu sendiri.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti minat pelajar terhadap bahasa Arab, menguji keberkesanan Modul Pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha, serta bagi mengetahui sama ada sikap pelajar terhadap frasa sandaran dan adjektif mempengaruhi pencapaian pelajar bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah keberkesanan penggunaan model pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha dalam meningkatkan pencapaian dalam Bahasa Arab bagi para pelajar Kolej UNITI Kota Bharu. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada model ini dapat membantu meningkatkan minat pelajar ataupun sebaliknya. Selain itu kajian ini juga memfokuskan tajuk frasa sandaran dan adjektif. Kedua-dua frasa ini adalah amat penting dalam pembentukan ayat dalam bahasa Arab.

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui minat pelajar terhadap subjek Bahasa Arab
2. Mengetahui keberkesanan penggunaan model pengajaran Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha dalam meningkatkan pencapaian dalam Bahasa Arab
3. Mengetahui sama ada sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran(*Idhafah*) dan Frasa Adjektif (*Naat*) mempengaruhi pencapaian pelajar.

Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini. Persoalan kajian menjurus kepada beberapa soalan berikut:

1. Sejauh manakah minat pelajar terhadap subjek Bahasa Arab?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar menggunakan modul Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?
3. Adakah sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran(*Idhafah*) dan Frasa Adjektif(*Naat*)

mempengaruhi pencapaian pelajar?

Hipotesis

Berikut merupakan hipotesis kajian:

- H₀1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar menggunakan modul Durus Al Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
- H₀2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap Frasa Sandaran(Idhafah) dan Frasa Adjektif(Naat) dengan pencapaian pelajar.

Kajian-Kajian Lepas Berkaitan

Pengkaji menganalisis beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan perbandingan adjektif bahasa Melayu dengan bahasa Arab bagi memberi idea kepada pengkaji terhadap apa yang pernah dikaji dan apa yang perlu dikaji supaya kajian ini memberi banyak manfaat kepada semua pihak.

Pengkaji mendapati tidak terlalu banyak kajian dilakukan bagi melihat perbandingan sebegini. Namun ada satu kajian yang dilakukan oleh Ashaari (2004) beliau bersetuju bahawa pelajar Melayu banyak menghadapi kesulitan membina ayat bahasa Arab yang mempunyai adjektif terutamanya apabila berkaitan dengan jantina, bilangan, i'raab dan penggunaan kata nama am dan kata nama khas. Menurut beliau juga permasalahan sebegini berlaku kerana pelajar kurang terdedah dengan struktur gaya bahasa Arab yang betul.

Dengan melihat kajian analisis kontrasitif oleh Abdullah et al. 2018, terdapat kata adjektif bahasa Melayu yang boleh berubah kepada kata kerja dan sebagainya. Contohnya perkataan 'lemah' yang apabila ditambah imbuhan 'me' akan bertukar kelasnya kepada kata kerja. Menurut beliau perkara sebegini sememangnya akan menimbulkan kekeliruan kepada para pelajar sekiranya tidak diatasi dan difahami dengan teliti.

Kurikulum Bahasa Arab Madinah

Kurikulum bahasa Arab Madinah menfokuskan kaedah tatabahasa yang sering digunakan dalam al-Quran dan al-Sunnah dan perbualan seharian orang Arab. Kurikulum ini diajar mengikut tahap kesukaran daripada yang paling mudah kepada paling sukar satu demi satu. Model ini juga dimantapkan lagi dengan adanya latihan-latihan pengukuhan yang ringkas tetapi padat kepada para pelajar. Kaedah Pengulangan (*tikrar*) adalah kaedah yang paling penting dalam model ini. Kaedah Pengulangan (*tikrar*) ini juga merupakan antara strategi komunikasi bahasa Arab yang paling digemari oleh pelajar dan kerap kali digunakan berdasarkan kajian oleh Aladdin (2012).

Antara perkara yang juga dititikberatkan dalam model ini adalah baris akhir setiap perkataan. Kita seringkali mendapati bahawa masalah utama pelajar dalam pembacaan teks ialah kelemahan mereka membaca dengan kaedah tatabahasa Arab yang betul terutama dari

segi tanda baris Norazman (2006). Menurut penulis model ini, pelajar akan mengalami kesulitan memahami pelajaran seterusnya yang berada di peringkat yang semakin tinggi sekiranya guru tidak memberi penekanan pada pembelajaran baris akhir.

Kurikulum ini juga menggunakan kaedah Eklektik Sistematis seperti yang diutarakan oleh Lubis (2003). Ia menggunakan cara pembelajaran secara induktif yang mana secara langsung berlawanan dengan pendekatan tradisional yang biasanya menggunakan kaedah deduktif. Kaedah induktif ini diajar dengan dimulakan dengan contoh-contoh ayat yang mudah dan melatih pelajar mengulang sehingga terbiasa dengan struktur ayat tersebut yang menggunakan semua kemahiran bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan bercakap sehinggalah akhirnya akan diajar definisi suatu topik tersebut. Para guru juga tidak dibenarkan menterjemah secara langsung suatu perkataan ke dalam bahasa sumber kecuali sekiranya amat diperlukan. Guru akan menggunakan cara lain bagi memberi kefahaman kepada pelajar tanpa menterjemahkannya supaya proses pengukuhan boleh berlaku.

Selain kaedah Elektik Sistematis, pengkaji juga mendapati kaedah bahasa Arab Madinah ini menggunakan Pendekatan Komunikatif. Menurut Muradi (2014) pembelajaran bahasa dan pembelajaran komunikasi adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan dan Pendekatan Komunikatif merupakan salah satu cara yang sangat perlu dalam pembelajaran bahasa terutamanya bahasa Arab. Dalam pendekatan komunikatif ini, perkara yang paling ditekankan adalah penggunaan kaedah bahasa dan bukanlah tatabahasa. Dengan ini, kebolehan pelajar bertutur bahasa Arab dapat diukur dengan kemampuan mereka mengungkap suatu ungkapan menggunakan kaedah yang diajar dan bukan hafalan kaedah semata-mata. Oleh itu dalam modul PDLA ini setiap tajuk dibekalkan dengan perbualan ringkas. Selain itu, guru juga diajar memfokuskan komunikasi dalam pembelajaran dengan menggunakan perbualan harian yang ringkas dan intonasi percakapan yang betul serta mampu menarik minat pelajar.

Kebolehan Pelajar Memahami Konsep Frasa Sandaran (*Idhafah*) dan Frasa Adjektif (*Naat*)

Konsep Frasa Sandaran (*Idhafah*) dan Frasa Adjektif (*Naat*) ini secara keseluruhannya adalah antara konsep yang sangat penting dalam ilmu bahasa Arab dan pelajar perlu menguasainya dengan mendalam. Hal ini boleh dibuktikan semenjak kurikulum terbaru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada peringkat sekolah menengah diterbitkan, tajuk Frasa Sandaran dan Frasa Adjektif sangat dititikberatkan dan dijadikan subtopik dalam semua topik tingkatan satu dan dua. Menurut Kajian oleh Azani et al. (2012) Frasa Sandaran ini seringkali berlaku kesalahan semasa pertuturan bahasa Arab. Hal ini disebabkan kurangnya pengetahuan berkaitan penggunaan proses tatabahasa Arab. Permasalahan dalam konsep Frasa Adjektif pula boleh dilihat pada kajian oleh Ab. Halim (2005) yang menyatakan kebanyakan pelajar gagal menterjemahkan frasa tersebut dengan baik.

Hubungan Sikap Dengan Pencapaian

Sikap berkait rapat dengan motivasi pelajar. Sekiranya pelajar itu sendiri tidak termotivasi, pelajar tidak akan mampu untuk meminati bahasa Arab dan sekaligus akan memberi impak yang negatif terhadap pembelajarannya. Menurut kajian oleh Nik Mohd Rahimi et al. (2003) minat dan motivasi para pelajar Didapati dapat meningkatkan pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab mereka. Metod dan cara pendekatan pengajaran yang menyeronokkan

harus difikirkan oleh guru bagi meningkatkan lagi motivasi dan minat pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar yang berprestasi rendah. Hal ini kerana mereka yang berprestasi rendah didapati tidak meminati bahasa Arab.

Mastura et al (2012) mencadangkan kepelbagaian strategi pembelajaran agar pembelajaran menjadi lebih mudah sekaligus menolak tanggapan dan persepsi para pelajar bahawa bahasa Arab sukar difahami. Hal ini bersesuaian dengan modul PDLA ini yang banyak menggunakan strategi pembelajaran seperti yang system Elektik Sistemik dan Komunikatif.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan dua kumpulan kajian iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kajian bertujuan melihat kesan pendekatan tradisional dan modul PDLA terhadap kumpulan eksperimen. Jadual 1 di bawah menerangkan perbezaan secara ringkas antara dua kumpulan tersebut bagi memberi gambaran kepada pembaca.

Jadual 1

Kumpulan	Kaedah Pengukuran Ujian Pra	Rawatan	Kaedah Pengukuran Ujian pos
Eksperimen	Soal selidik minat dan ujian	Penggunaan Modul PDLA	Ujian
Kawalan	Soal selidik minat dan ujian	Pendekatan tradisional	Ujian

Seperti tertera di atas, rekabentuk kajian ini menggunakan dua kumpulan responden iaitu eksperimen dan juga kawalan. Instrumen bagi soal selidik minat dan ujian pra terhadap bahasa Arab diberikan kepada kumpulan kawalan untuk dijawab. Bagi merawat dan memperbaiki skor markah ujian pra itu, pengajaran dan pembelajaran akan dilakukan menggunakan pendekatan tradisional iaitu secara deduktif, menggunakan buku teks kolej UNITI yang sedia ada. Akhir sekali ujian pos akan diberi kepada para responden bagi melihat pencapaian mereka sama ada meningkat atau tidak setelah rawatan dilakukan.

Bagi kumpulan eksperimen pula, soal selidik minat terhadap bahasa Arab dan ujian pra juga akan dijawab. Namun bagi memperbaiki skor, para pelajar akan dirawat menggunakan modul PDLA dalam pengajaran dan pembelajaran. Modul PDLA ialah modul yang menarik dengan kepelbagaian strategi pengajaran yang menarik. Langkah terakhir selepas kaedah rawatan ini pula memberi ujian pos kepada para responden untuk melihat ada peningkatan skor pencapaian atau sebaliknya.

Metodologi Kajian

Instrumen Kajian

Sebanyak dua instrumen kajian dipilih untuk digunakan pada kajian ini iaitu kertas ujian pencapaian pelajar dan juga kertas soal selidik tahap minat terhadap bahasa Arab.

1. Ujian Pencapaian (Pra dan Pos)

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan penilaian berbentuk sumatif, iaitu penilaian terhadap pelajar di akhir sesuatu tempoh setelah proses pengajaran dan pembelajaran bagi menilai tahap pencapaian pelajar. Ini bagi mengetahui sama ada para pelajar memahami pembelajaran yang berlaku dan memahami bahan modul itu sendiri.

Oleh itu kajian ini menggunakan kertas ujian yang terdiri daripada dua bahagian soalan iaitu bahagian kefahaman konsep dan bahagian pengaplikasian Idhafah itu sendiri. Soalan kefahaman yang diberi ialah dalam bentuk petikan dan kedua-dua kumpulan responden semestinya diberi soalan yang sama.

2. Struktur Soal Selidik

Struktur soal selidik direka oleh pengkaji sendiri menggunakan pemerhatian terhadap kajian lepas oleh Rahman & Nurhimmah (2008) dan objektif kajian. Soalan adalah mudah difahami supaya tidak membebankan pelajar. Soal selidik lengkap adalah di lampiran A. Pengkaji membahagikan soal selidik kepada 3 bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Berikut merupakan struktur soal selidik yang digunakan secara amnya.

- a) Bahagian A - Latar belakang pelajar
- b) Bahagian B - Minat terhadap bahasa Arab
- c) Bahagian C - Minat dan sikap pelajar terhadap tajuk Frasa Sandaran (*Idhafah*) dan Frasa Adjektif (*Naat*).

Dapatan kajian: Analisis Deskriptif

Bagi mengumpulkan data, kajian ini memilih dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu data primer dan juga data sekunder. Data primer bermaksud data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik menggunakan soalan ujian pelajar dan borang soal selidik pelajar. Manakala pengumpulan data sekunder pula adalah lebih memfokuskan penyelidikan di perpustakaan dan data tersebut dikumpul daripada kajian-kajian lepas berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh pengkaji lain sama ada dalam bentuk artikel, artikel jurnal, tesis, buku, majalah, kertas seminar dan sebagainya. Adapun data primer dalam kajian ini ialah instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Seramai 60 orang daripada 243 orang pelajar dipilih yang terdiri daripada 8 orang responden lelaki iaitu sebanyak (18%) dan 80 orang responden perempuan iaitu sebanyak (82%) daripada keseluruhan responden. Dari sudut gred pula, 20 orang pelajar memperoleh A (34%), 14 orang pelajar memperoleh B (23%), 14 orang pelajar juga memperoleh C (23%) dan 12 orang pelajar memperoleh D (20%). Secara keseluruhannya, dalam ujian BA terbaru untuk 60 orang responden kajian paling ramai pelajar memperolehi A iaitu sebanyak 20 orang pelajar dan diikuti dengan B dan C seramai 14 orang setiap gred.

Dari sudut peringkat pengajian al-Quran pula, data menunjukkan seramai 17 orang responden iaitu sebanyak (28.3%) sudah berada pada peringkat paling tinggi iaitu mushaf al-

Quran, 11 orang iaitu sebanyak (18.3%) masih lagi belajar iqra' keenam, 10 orang iaitu sebanyak (16.7%) sedang belajar iqra kelima, 6 orang iaitu sebanyak (10%) sedang belajar iqra keempat, ketiga dan kedua. Manakala 4 orang iaitu sebanyak (6.7%) sedang belajar iqra pertama. Keseluruhannya, responden yang belajar mushaf al- Quran adalah yang paling banyak namun ada juga yang masih permulaan iaitu empat orang.

Minat Pelajar Terhadap Subjek Bahasa Arab

Bahagian ini menjelaskan analisis kekerapan dan peratusan terhadap minat pelajar terhadap bahasa Arab. Pengkaji menggunakan soal-selidik adalah merangkumi 10 item yang mempunyai format skala likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

1. Saya sedar ada ilmu bahasa Arab sangat penting.
2. Saya berminat untuk mempelajari kursus bahasa Arab.
3. Saya tahu tujuan, faedah dan manfaat yang akan saya dapat jika mempelajari ilmu bahasa Arab.
4. Saya tahu terdapat cabang-cabang ilmu dalam bahasa Arab.
5. Bahasa Arab sangat menyeronokkan.
6. Saya yakin ilmu bahasa Arab dapat membantu saya memahami Al-Quran dan Hadis dengan baik.
7. Pembelajaran bahasa Arab perlu berlangsung lebih lama.
8. Saya dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam bahasa Arab dengan mudah.
9. Saya dapat menguasai bahasa Arab dengan baik setakat yang telah saya pelajari.
10. Saya berminat dan bersedia untuk mempelajari bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Pengkaji mendapati secara keseluruhan responden bersetuju akan tiga perkara melebihi separuh iaitu:

- I. Responden sedar akan kepentingan bahasa Arab (50% setuju dan 50% sangat setuju)
- II. Bahasa Arab sangat menyeronokkan (50% sangat setuju dan 46.6% setuju)
- III. Responden yakin ilmu bahasa Arab dapat membantu memahami Al-Quran dan Hadis dengan baik (70% sangat setuju dan 30% setuju)

Seterusnya ialah beberapa perkara yang dapat disimpulkan sebagai tidak terlalu bersetuju berkaitan minat pelajar terhadap bahasa Arab iaitu:

- I. Dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam bahasa Arab dengan mudah. (10% tidak setuju)
- II. Dapat menguasai bahasa Arab dengan baik setakat yang telah saya pelajari. (3.3% tidak setuju)
- III. Berminat dan bersedia untuk mempelajari bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi lagi. (6.6% tidak setuju)

Melalui dapatan di atas dapat dilihat bahawa para pelajar kebanyakannya amat meminati bahasa Arab. Walaubagaimanapun terdapat beberapa orang yang tidak pasti dengan minat mereka terhadap bahasa Arab bahkan ada yang tidak minat. Contohnya 6 orang pelajar tidak setuju bahawa mereka dapat menguasai tajuk-tajuk dalam bahasa Arab dengan mudah. Pelajar yang tidak meminati bahasa Arab sememangnya akan berkata demikian. Hal ini mungkin kerana beberapa faktor yang mempengaruhi pelajar seperti kaedah pembelajaran sebelum ini yang tidak menarik, penggunaan istilah-istilah yang susah dalam pembelajaran asas bahasa Arab dan sebagainya yang memerlukan kajian lebih lanjut. Pengkaji merasakan hal ini perlu diambil

serius bagi menjamin subjek bahasa Arab terus diminati oleh para pelajar supaya ia mudah dikuasai. Situasi tidak minat dalam mempelajari bahasa Arab sangat memberi kesan terhadap penguasaan bahasa.

Selain itu dapat dikenalpasti juga terdapat hampir separuh iaitu 26 orang pelajar tidak bersedia untuk melanjutkan bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini demikian mungkin kerana kebergantungan pelajar terhadap diploma yang mereka ambil pada masa ini dan bukanlah faktor tidak minat bahasa Arab.

Ujian Normaliti

Chua (2012) mengatakan bahawa salah satu syarat penting bagi melakukan statistik inferensi seperti statistik ujian-t ialah data yang didapati hendaklah bertaburan secara normal. Normalisasi data boleh dikenal pasti secara statistik dengan menggunakan statistik ujian Kolmogorov-Smirnov atau Shapiro-Wilk serta Skewness dan Kurtosis. Selain itu juga, ia boleh dikenal pasti dengan menggunakan bentuk-bentuk graf histogram, *stem*, *leafplot* dan lain-lain yang sesuai. Berdasarkan hasil ujian normaliti yang dibuat, didapati nilai signifikan $0.200 > 0.05$. Oleh itu pengkaji menyimpulkan bahawa data skor ujian kumpulan kawalan dan eksperimen adalah bertaburan secara normal. Kesemua data yang bertaburan secara normal seterusnya boleh digunakan dalam ujian-t tidak bersandar.

Dapatan kajian: Analisis Inferensi Analisis Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan

Pengkaji mendapati markah purata (min) peningkatan adalah 8.7 markah sahaja.

Jadual 2 : Ujian-t perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan

Paired Samples Statistics							
		Mean	N	Std. Deviation	Mean dif	t	Sig
Pair 1	PRA	53.5667	30	12.91533			
	PASCA	62.3000	30	11.85880	8.7	-6.506	.000

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis ujian-t perbandingan skor min sebelum dan selepas proses pembelajaran menggunakan pendekatan tradisional bagi kumpulan kawalan. Hasil daripada analisis menunjukkan skor min dan sisihan piawai sebelum pembelajaran ialah 53.56 dan 12.9 manakala skor min dan sisihan piawai selepas sesi pembelajaran menggunakan kaedah tradisional ialah 62.3 dan 11.8. Ini menunjukkan ada peningkatan dari segi pencapaian dengan perbezaan skor minnya 8.7.

1. Analisis Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen

Pengkaji mendapati markah purata (min) peningkatan adalah 14.2 markah.

Jadual 3: Ujian-t perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen

Paired Samples Statistics							
		Mean	N	Std. Deviation	Mean dif	t	sig
Pair 2	PRA	54.1667	30	10.95471			

PASCA	70.7333	30	11.58755	16.17	-7.982	.000
-------	---------	----	----------	-------	--------	------

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis ujian-t bagi perbandingan purata (min) markah ujian sebelum dan selepas penggunaan modul PDLA bagi kumpulan eksperimen. Hasil daripada analisis menunjukkan bahawa skor min dan sisihan piawai dalam pra ujian bahasa Arab adalah 54.166 dan 10.954 manakala skor min dan sisihan piawai selepas penggunaan animasi adalah 70.733 dan 11.587. Perbezaan skor min antara ujian tersebut ialah 16.17. Keputusan kajian adalah signifikan ($t = -7.982$, $p < .005$) Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bagi pencapaian pelajar apabila dilaksanakan kaedah pembelajaran menggunakan modul PDLA bagi kumpulan eksperimen. Berdasarkan daripada analisis dalam jadual 4.6 dan jadual 4.8 tersebut boleh dibuktikan bahawa pelajar dari kedua kumpulan terdapat peningkatan dalam pencapaian dalam ujian bahasa Arab. Namun begitu, pelajar daripada kumpulan eksperimen yang menerima kaedah pembelajaran menggunakan modul PDLA menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan tradisional sahaja.

2. Analisis Ujian-T Perbandingan Markah Ujian Pasca Bagi Kedua Kumpulan

Jadual 4 : Ujian-t perbandingan markah ujian pasca bagi kedua kumpulan

Group Statistics

	KUMPULAN	N	Mean	Std. Deviation	Mean dif	t	sig
SKOR	KAWALAN	30	62.3000	11.85880			
	EKSPERIMEN	30	70.7333	11.58755	8.433	-2.786	.007

Jadual 4 menunjukkan perbezaan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Keputusan statistik ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan ($t = -2.786$, $p < .05$). Keputusan ujian menunjukkan bahawa penggunaan modul PDLA mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Perbezaan nilai skor min bagi kedua-dua kumpulan pelajar seperti jadual di atas iaitu 8.43 adalah cukup besar.

3. Kesan Sikap Pelajar Terhadap Frasa Sandaran (Idhafah) Dan Frasa Adjektif (Naat) Dengan Pencapaian Pelajar

Daripada hasil analisis yang dijalankan, didapati bahawa varians pencapaian pelajar adalah signifikan terhadap sikap pelajar terhadap frasa sandaran (idhafah) dan frasa adjektif (naat), iaitu $F = 45.2$, $Sig = 0.00 < 0.05$, nilai Beta $\beta = 0.786$, $t = 6.725$ dan $R^2 = 0.618$. Berdasarkan output di atas, nilai R adalah 0.618. Nilai ini bermaksud sikap pelajar terhadap frasa sandaran dan frasa sifat adalah 61.8% manakala 38.2% dipengaruhi oleh variabel lain. Hubungan antara kedua variabel adalah berada di tahap yang tinggi. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah, apabila pemboleh ubah sikap pelajar terhadap frasa sandaran (idhafah) dan frasa adjektif (naat) meningkat seunit maka skor pencapaian pelajar akan meningkat sebanyak 1.578 unit.

4. Keberkesanan Modul PDLA Dalam Meningkatkan Pencapaian Bahasa Arab

Pengkaji mendapati modul ini sangat membantu dalam meningkatkan pencapaian bahasa Arab pelajar. Modul ini wajar diangkat dan diperkembangkan agar dapat membantu ramai pelajar di Malaysia. Antara perbezaan yang jelas di antara pendekatan tradisional dan modul PDLA ini yang dapat pengkaji kenalpasti adalah penggunaan **istilah-istilah bahasa Arab** yang berbeza. Pendekatan yang lama lebih cenderung menggunakan istilah yang sulit untuk difahami sekaligus menghilangkan keinginan pelajar untuk terus meminati bahasa Arab dan

mempelajarinya. Menurut Stephens & Crawley (1994) pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap apa yang diajar oleh guru, maka akan sukar baginya untuk menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru dalam kelas.

Melihat kepada kurikulum terkini sekolah rendah dan menengah, bahasa Arab di Malaysia adalah lebih baik dengan adanya *lughatul fasli* dimana pelajar hanya dikenalkan dengan perkataan-perkataan yang mudah di sekitar mereka. Sekiranya demikian lebih baik, kenapa tidak diaplikasikan terus walaupun di peringkat diploma dan ijazah? Justeru, sistem bahasa Arab Madinah ini fokus menggunakan perkataan-perkataan bahasa Arab yang terhad dalam beberapa jilid modulnya. Perkataan yang sama diulang berkali-kali sebagai proses pengukuhan pelajar. Setelah pengukuhan berjaya, perkataan-perkataan lain akan digunakan secara satu persatu. Namun begitu, perkataan yang lama tidak ditinggalkan dan diterbitkan kembali pada pelajaran seterusnya secara berperingkat.

5. Kesan Sikap Pelajar Terhadap Frasa Sandaran (Idhafah) Dan Frasa Adjektif (Naat) Dengan Pencapaian Pelajar

Dapatan kajian juga menunjukkan sikap pelajar terhadap frasa sandaran dan idhafah menyumbang kepada pencapaian pelajar sebanyak 61.8%. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara sikap pelajar dan pencapaian mereka dalam menguasai frasa sandaran dan idhofah berada pada tahap yang bagus.

Ia juga membuktikan bahawa sikap pelajar terhadap suatu pelajaran yang positif itu memberi kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar. Menurut Stephens & Crawley (1994) pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap apa yang diajar oleh guru, maka akan sukar baginya untuk menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru dalam kelas. Apabila seseorang itu mempunyai minat yang tinggi maka dia akan belajar dengan tekun sehingga mencapai kejayaan sekaligus membantu dan memudahkan proses pengajaran guru dalam kelas

Cadangan

Kajian ini telah menjelaskan keberkesanan penggunaan modul PDLA dalam pembelajaran bahasa Arab di institusi pengajian tinggi serta membincangkan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian-kajian sebegini hendaklah diperluas di peringkat institusi pengajian tinggi kerana masih banyak idea-idea terkini yang lebih baik boleh dikenalpasti bagi menambah kualiti pendidikan bahasa Arab di negara kita. Beberapa kajian lanjutan dicadangkan oleh pengkaji seperti berikut:

- I. Kajian ini hanya terhad dijalankan ke atas pelajar Kolej UNITI Kota Bharu dengan menjadikan pelajar diploma sebagai sampel kajian. Oleh itu dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi di tempat lain. Kajian mengenai modul PDLA ini perlu diperluaskan lagi kepada populasi lain seperti di institusi pengajian awam pada peringkat pengajian Ijazah
- II. Kajian ini juga hanya menggunakan pendekatan kuantitatif melalui penggunaan instrumen ujian dan soal selidik. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen tembuwal bagi melihat sejauhmana minat pelajar terhadap penggunaan modul ini dengan lebih jelas.
- III. Kajian ini juga hanya berfokuskan keberkesanan modul sahaja. Kajian lain juga wajar dilakukan seperti apa yang menjadikan modul ini menarik dan juga faktor pelajar boleh memahami modul ini dengan mudah.

- IV. Pengkaji mendapati sistem Madinah giat dipelajari oleh para pelajar dari semua peringkat umur di pusat-pusat tuisyen seluruh negara. Sistem ini juga perlu dikaji agar boleh dimanfaatkan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah.
- V. Kajian-kajian terhadap pendekatan sedia ada di institusi-institusi pengajian tinggi perlu dikaji dan ditambahbaik.

Cadangan kepada pensyarah pula, Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran yang menggunakan modul pembelajaran ini memberi kesan yang sangat positif kepada pelajar. Ini memberi tanggungjawab langsung pada para pensyarah di IPT sebagai pelaksana kurikulum agar mengambil berat tentang modul ini. Kebanyakan pensyarah telah mempunyai kemahiran menggunakan modul pembelajaran lama, namun apakah modul tersebut mampu bertahan lama dan sesuai dengan kognitif pelajar mereka? Latihan dan panduan penggunaan modul ini dapat membantu pensyarah dalam penggunaan modul pembelajaran ini dengan lebih efektif. Pensyarah perlu bersedia dari segi keyakinan menggunakan modul ini dalam pembelajaran. Selain itu para pensyarah juga perlu sentiasa kreatif dalam menggunakan sebarang modul sekalipun agar para pelajar tidak jemu dan bosan dengan pembelajaran yang berlaku. Contohnya dengan digabungkan bersama teknologi semasa seperti *Kahoot*, *Open Learning* dan sebagainya.

Kesimpulan

Kajian ini telah menjawab kepada persoalan kajian yang berkaitan tentang modul pembelajaran bahasa Arab Madinah ini. Ringkasan dapatan kajian dikemukakan dan perbincangan dapatan telah dilakukan untuk menjelaskan lagi persoalan dalam kajian. Kajian sebegini perlu dilakukan dan diteliti dengan lebih mendalam dan meluas bagi meninjau sejauh mana keberkesanan suatu modul terhadap pelajar dan kemudiannya memilih yang terbaik bagi menjamin kualiti pendidikan. Ini kerana pada masa kini terlalu banyak modul yang dibangunkan tidak sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada pihak berkepentingan untuk mengambil tindakan bersesuaian bagi memastikan pendidikan bahasa Arab kekal utuh di negara Malaysia dan sebanding dengan negara-negara Timur Tengah.

Rujukan

- A Rahman, Nurhimmah. (2017). *Keberkesanan penggunaan modul KUSMAPP dalam meningkatkan pencapaian matematik*. (Tesis Ijazah Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. (2007, 23 April). Ketepatan terjemahan struktur ayat bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu: Satu kajian kes. Kertas kerja Seminar Antarabangsa MICOLLAC, anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putera Malaysia.
- Abdullah, I., & Abdullah, I. H. (2018). Kata Pinjaman Arab dalam bahasa Melayu analisis kajian dari sudut perubahan morfologi. *Bangi*, 13(3), 43-50.

- Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).
- Alkudhri. (2018). Program yang ditawarkan di Kolej Uniti Kota Bharu. Kolej Uniti. unitikotabharu.edu.my/v1/faq
- Arshad, M., & Bakar, K. A. (2012). *Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab, 139-155.
- Ashaari, S. A. (2004). Kata adjektif bahasa Melayu-Arab: Satu analisis kontrastif. (Doktor Falsafah tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 325-337.
- Maimun Aqsha Hj Abidin Lubis. (2003). Keunggulan Kaedah elektik sistematik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab kepada pelajar Melayu. Dimuat turun daripada http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/17012/MAIMUN_1.pdf
- Muradi, A. (2014). Pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa arab. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Bahasa Arab*, 1(1), 29-48.
- Norazman Mohd Nordin. (2006). *Penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. (Disertasi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Stephens, P., & Crawley, T. (1994). *Becoming an effective teacher*. Nelson Thornes.
- Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik, Zamri Mahamod, and Kamarulzaman Ab Ghani. (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 33, 3-18.
- Zawawi, Ismail, Mohd Sukki Othman & Abd. Raof Hasan Azhari. (2004, 8-9 Oktober). Masalah pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Arab di Malaysia. *Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa*. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.